

24 OCT 1998

BELANJAWAN 1999 CERGASKAN AKTIVITI USAHAWAN, KATA IDRIS

KOTA BAHARU, 24 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Idris Jusoh menyifatkan Belanjawan 1999 sebagai belanjawan mesra usahawan yang mampu mencergaskan aktiviti perniagaan.

Insentif-insentif yang diberikan kerajaan akan memberi lebih keselesaan kepada golongan usahawan dan peniaga kecil khususnya untuk mendapatkan modal.

"Oleh itu mereka perlu melihat tahun hadapan sebagai tahun perkembangan ekonomi yang lebih positif," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Industri Kecil dan Sederhana di sini hari ini sebagai mengulas pembentangan Belanjawan 1999 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Kerajaan terus membantu golongan miskin, penjaja dan peniaga kecil untuk meningkatkan ekonomi melalui beberapa skim bantuan modal di bawah program Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Usahawan Kecil yang diperuntukan RM100 juta manakala Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga sebanyak RM150 juta termasuk membantu usahawan wanita.

Idris berkata peniaga kecil dan penjaja boleh membuat pinjaman antara RM500 dan RM10,000 yang disediakan melalui Skim Tekun di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga, selain mendapatkan bantuan melalui Majlis Amanah Rakyat (Mara) yang diperuntukan sebanyak RM25 juta.

Golongan wanita juga perlu merebut peluang untuk bergerak cergas dalam bidang keusahawanan melalui kemudahan modal yang disediakan itu, katanya.

-- BERNAMA

BD RON